

Headline	KEMBALI BERNAFAS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	279,000
Page No	56	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	218 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,188
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,564



KEMBALI BERNAFAS!

PELUANG Selangor ke peringkat kalah mati Piala AFC semakin cerah walaupun terikat tanpa jaringan menentang kelab dari Filipina, Ceres La Salle FC aksi Kumpulan E di Stadium Selayang, semalam.

Pada saingan kumpulan itu, kedua-dua pasukan terpaksa berpuas hati satu mata apabila gagal memecahkan kebuntuan sehingga tamat perlawanan.

Keputusan itu dibantu kekalahan mengejut 2-3 wakil Singapura, Tampines Rovers kepada pasukan tercorot kumpulan , Sheikh Jamal yang mencipta kemenangan pertama di Stadium Nasional Bangabandhu di Dhaka, Bangladesh.

Selangor kini menghuni tempat kedua kumpulan dengan lapan mata di belakang Ceres dan diukur rapat Tampines dengan tujuh mata selepas lima perlawanan.

Bagaimanapun, Gergasi Merah perlu sekurang-kurangnya mencatatkan keputusan seri ke atas wakil Singapura itu pada aksi terakhir kumpulan di Stadium Nasional, 10 Mei depan.



Pemain Selangor, Mauro Olivi (dua, kiri) cuba melepasi halangan pemain Ceres dalam aksi Kumpulan E Piala AFC di Stadium Selayang, malam tadi.

Headline	Pantau premis, kenderaan terbiar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	46	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	317 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,636
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,908



Pantau premis, kenderaan terbiar

MDKL minta semua pihak bekerjasama bantukekang penambahan kes denggi di daerah ini

BANTING - Pelbagai agensi diharap dapat memantau premis dan kenderaan terbiar di sekitar Kuala Langat bagi memastikan tiada penambahan kes denggi berlaku di daerah ini.

Ahli Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Datuk Dr Yahya Baba berkata, beliau memaklumkan lokasi kenderaan dan premis terbiar antara faktor pembiakan aedes.

Bagaimanapun menurutnya, fokus tersebut hanya sebagai alternatif lain dalam membantu mengekang kes denggi.

"Isu denggi ni memang tak boleh selesai kalau semua pihak tak beri

kerjasama.

"Jadi sebagai agensi yang mahu ber pendedahan kepada masyarakat, kita perlu bergerak dengan memastikan lokasi-lokasi yang jarang diberi penekanan ini dipantau," katanya ketika mesyuarat penuh MDKL, semalam.

Sementara itu, Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, masalah sampah haram dibuang di rumah kosong juga menjadi penyumbang kes denggi.

Katanya, beliau turut mendapat maklumat terdapat aktiviti warga asing yang membuang sampah haram di kawasan rumah kosong berhampiran rumah mereka.

"Jadi kita minta kalau berlaku di kawasan Kuala Langat tolong pantau, dan sebagai pemimpin adalah menjadi tanggungjawab untuk beri informasi kepada rakyat.

"Kita tak nak aktiviti itu menjadi masalah kepada penambahan kes denggi di daerah ini," katanya.

Dalam pada itu, berdasarkan maklumat Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, operasi penguatkuasaan premis individu yang dijalankan sehingga bulan ini sebanyak 79 premis dan kediaman dikenakan kompaun atas kesalahan menyebabkan pembiakan jentik-jentik.



Yahya (kanan) ketika membentangkan isu premis dan kenderaan terbiar ketika mesyuarat penuh Mdkl, semalam.

Headline	Pantau premis, kenderaan terbiar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	46	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	317 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,636
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,908



Mesyuarat itu turut membincangkan berkenaan lokasi-lokasi premis dan kenderaan terbiar yang harus diberi penekanan.



DR VIDA PILIH PEMAIN IMPORT

> 68



Arena

Tel: 1-300-22-6787 samb 4767/4749
Faks: 03-20567083/7084

sukan@hmetro.com.my
27 APRIL 2016 / 19 REJAB 1437

SERI CUKUP



Selangor memerlukan sekurang-kurangnya keputusan seri menentang Tampines Rovers di Singapura pada 10 Mei ini bagi melayakkan diri ke peringkat kalah mati Piala AFC apabila mereka diikat tanpa jaringan oleh pendahulu kumpulan Ceres La Salle dari Filipina di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, malam tadi. Tampines pula tewas 2-3 kepada Sheikh Jamal di Bangladesh.

> 69

Moh ler kite!

PERADUAN PENGUNJUNG BERTUAH MSAM 2016 SEMPENA MAJLIS PENUTUP

Stadium Mini Tapah, Perak
20 - 28* April 2016
10 pagi - 10 malam
*28 April 2016: 10 pagi - 2 petang

HADIAH-HADIAH

- TOYOTA VIOS 1.5 TRD SPORTIVO (AT)
- MOTORCYCLE
- MACBOOK AIR 11"
- IPHONE 6S
- SAMSUNG GALAXY NOTE 5

SYARAT DAN KETIADAAN JAWAPAN

- Warna dan spesifikasi sebenar mungkin berbeza dengan gambar yang dipaparkan.
- Hadiah yang tidak ditutup akan dianggap luput.
- Hadiah masih ditutup dalam tempoh yang ditetapkan.
- Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
- Seluruh fotostat borang ini tidak diterima.

SYARAT & TERMA SERTA DAERAH PRIVASI

Peraturan dan syarat lengkap boleh dilihat di www.pnb.com.my/msam2016/index.php

MASUK PERCUMA



PERADUAN PENGUNJUNG BERTUAH MSAM 2016

(Sempena Majlis Penutup MSAM 2016)

Sila jawab soalan-soalan berikut dan lengkapkan maklumat peribadi yang diperlukan:

1. Di manakah lokasi pameran MSAM 2016?

2. Apakah nama penuh bagi singkatan ASNB?

Nama:

No. K/P:

Alamat:

No. Tel atau H/P:

Pekerjaan:

Bagi menyertai peraduan ini, pengunjung perlu membawa keratan asal borang ini yang telah lengkap dan memasukannya ke dalam kotak-kotak khas yang disediakan di tempat, tarikh dan masa seperti berikut:

Tempat : Sekitar kawasan berdekatan pintu masuk Khemah Utama, Stadium Mini Tapah, Tapah, Perak.

Tarikh : 27 April 2016 (Rabu) Masa : 1.00 tgħri - 3.30 petang

Sila tandatangan perakuan peserta di ruangan sebelah.

PESERTA MESTI BORADE DI TEPEK MSAM 2016 SEMASA MAJLIS PENUTUP.

PERAKUAN PESERTA
Anda dengan ini saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami serta BERSETUU
dengan segala Syarat dan Terma serta Dasar Privasi** yang berkaitan dengan peraduan ini.

Tarikh _____
Tandatangan _____

BH SUKAN



» Kane rayu
Man United
benam Leicester

Sukan 49

QU PUTEH, ANNUAR BERBALAH

// Datuk Seri Dr Hasmiza Othman hairan dengan sikap Presiden KAFA, **TAN SRI ANNUAR MUSA YANG MEMPERSOALKAN PENAJAANNYA, SEDANGKAN SEMUA SYARAT SUDAH DIPERSETUJUI SEBELUM MENANDATANGANI KONTRAK**
menaja Kelantan

SUKAN 54

**PIALA THOMAS
ZULFADLI
DIKETEPIKAN
LAGI**

SUKAN 50

**SKUASY
NICOL CEMAS
SEBELUM
MARA**

SUKAN 52



Pemain Selangor, Mauro Andres Olivi (tengah) melakukan percubaan ke arah pintu gol Ceres La Salle FC pada aksi Piala AFC di Stadium Selayang, malam tadi. Kedua-dua pasukan seri 0-0.
[FOTO OWEE AH CHUN / BH]

Moh ler kite!

**PERADUAN PENGUNJUNG
BERTUAH MSAM 2016
SEMPENA MAJLIS PENUTUP**

TOYOTA VIOS 1.5 TRD SPORTIVO (AT)
Pengunjung Bertuah Majlis Penutup

HADIAH-HADIAH

- 1. MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA
- 2. PELABURAN 360 PNB
- 3. MACBOOK AIR 11"
- 4. IPHONE 6S
- 5. SAMSUNG GALAXY NOTE 5

Stadium Mini Tapah, Perak
20 - 28* April 2016
10 pagi - 10 malam
*28 April 2016: 10 pagi - 2 petang

Malaysia Awards
Longest Running Unit Trust Exhibition
14 years (2000 - 2014)

Asia Responsible Entrepreneurship Awards 2015
(Social Empowerment Category) by Enterprise Asia

MASUK PERCUMA

HADIAH UTAMA

TOYOTA VIOS 1.5 TRD SPORTIVO (AT)

HADIAH-HADIAH

- 1. MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA
- 2. PELABURAN 360 PNB
- 3. MACBOOK AIR 11"
- 4. IPHONE 6S
- 5. SAMSUNG GALAXY NOTE 5

*Syarat & Terma serta Dieser Privasi berkaitan peraduan boleh dilayari di www.pnb.com.my/msam2016/index.php

PERADUAN PENGUNJUNG BERTUAH MSAM 2016
(Sempena Majlis Penutup MSAM 2016)

Sila jawab soalan-soalan berikut dan lengkapkan maklumat peribadi yang diperlukan:

1. Di manakah lokasi pameran MSAM 2016?

2. Apakah nama penuh bagi singkatan ASNB?

Nama:

No. K/P:

Alamat:

No. Tel atau H/P:

Pekerjaan:

Bagi menyertai peraduan ini, pengunjung perlu membawa keratan asal borang ini yang telah lengkap dan memasukkannya ke dalam kotak-kotak khas yang disediakan di tempat, tarikh dan masa seperti berikut:

Tempat : Sekitar kawasan berdekatan pintu masuk Kherah Utama, Stadium Mini Tapah, Tapah, Perak.

Tarikh : 27 April 2016 (Rabu) Masa : 1.00 tgħali - 3.30 petang

Sila tandatangan perakuan peserta di ruangan sebelah.

Peserta mesti berada di tapak MSAM 2016 semasa Majlis Penutup.

PERAKUAN PESERTA
Adalah dengan ini saya mengajui bahawa saya telah membaca dan mengetahui serta bersetuju dengan segala Syarat dan Tarma serta Dasar Privasi yang berkaitan dengan peraduan ini.

Tarikh

Tandatangan



PENGUNA jalan raya sudah tidak sanggup berhadapan dengan masalah Jalan rosak di Jalan 13/4, Kampung Baru Seri Kembangan.



PERMUKAAN jalan rosak teruk disebabkan kegagalan pihak berkuasa tempatan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan.

Jalan 13/4, Kampung Baru Seri Kembangan rosak teruk

Nyawa pengguna terancam

Oleh AMIRUL AIMAN ANUAR

kota@utusangroup.com.my

■ SERDANG 26 APRIL



BAGAI menempuh laluan berhalaangan. Itulah perasaan yang dikongsikan rata-rata pengguna jalan raya setiap kali melalui Jalan 13/4, Kampung Baru Seri Kembangan, dekat sini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di lokasi baru-baru ini mendapati dakwaan pengguna berasas apabila mendapati permukaan jalan di situ rosak teruk sepanjang kira-kira 200 meter.

Permukaan jalan bukan sahaja tidak rata, tetapi turut berlubang di sana-sini.

Difahamkan, jalan yang menghubungkan kawasan perindustrian Taman Bukit Serdang itu digunakan penduduk kawasan perumahan berhampiran untuk ke pusat bandar.

Rata-rata pengguna jalan raya yang ditemui menggesa pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis

Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) segera menyelesaikan masalah jalan rosak di situ.

Dakwa mereka, kegagalan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu memantau pemandu lori muatan berat keluar masuk setiap hari menyebabkan jalan di situ terus rosak.

Selain itu, nyawa pengguna turut terancam kerana segelintir pemandu seolah-olah tidak mempedulikan keselamatan pengguna lain dengan memandu secara berbahaya.

Seorang penunggang motosikal yang enggan dikenali berkata, keadaan itu bukan sahaja mengakibatkan banyak peralatan sokongan kenderaan seperti tayar mudah rosak dan bocor, malah mengundang kecederaan dan kehilangan nyawa.

"Setiap kali cuaca hujan kami ter-



PENUNGGANG motosikal paling berisiko tinggi kemalangan akibat jalan rosak.

paksu lebih berhati-hati agar tidak berlaku kemalangan," katanya.

Sehubungan itu, pihak bertang-

gungjawab digesah tidak terus berisik lepas tangan terhadap keselamatan pengguna.

TAPAK BAZAR

■ BERAPAKAH jumlah tapak bazar Ramadan yang disediakan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kepada peniaga pada tahun ini?

NOH HUSIN
Taman Datuk Harun

JAWAPAN: MBPJ menyediakan

SEWA PPR

19 lokasi tapak bazar Ramadan yang menawarkan 1,513 lot bermula di Petaling Jaya tahun ini. Terdapat satu lokasi pemindahan serta penyusunan Bazar Ramadan Seksyen 14 iaitu dari Jalan 14/27 ke Jalan 14/20. Pembukaan tapak bazar di lokasi ini bertujuan memenuhi keperluan penduduk membuat juadah berbuka puasa di samping memberi peluang peniaga kecil menambah pendapatan.

MOHD. AZIZ MOHD. ZAIN
Yang Dipertua MBPJ

WABAK DENGGI

■ APAKAH usaha pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dalam menangani wabak Denggi yang semakin membimbangkan terutama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

ANTI DENGGI
Putrajaya

JAWAPAN: PELBAGAI usaha dilakukan oleh pihak kementerian dengan kerjasama pelbagai pihak dalam meremangi ancaman ini. Antaranya melalui Projek Komuniti Bebas Denggi dengan memberi sumbangan Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi kepada penduduk. Baru-baru ini, sebanyak 30,000 kit diedarkan kepada penduduk Kuala Lumpur dan Putrajaya. Saya harap usaha ini mendaftarkan kerjasama penuh daripada penduduk.

DATUK SERI TENGKU ADNAN TENGKU MANSOR
Menteri Wilayah Persekutuan

SEWA PPR

■ SYABAS diucapkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana giat menjalankan operasi penguatkuasaan pelanggaran syarat-syarat penyewaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA). Saya berharap usaha ini dilakukan secara berterusan, bukanlah 'hangat-hangat-tahi ayam'.

PENGHUNI PPR KERINCHI
Lembah Pantai

JAWAPAN: TERIMA kasih atas sokongan yang diberikan. Untuk pengetahuan DBKL menjalankan operasi penguatkuasaan dua kali sebulan. Ini bagi memastikan masalah penyalahgunaan PPR dan PA diatasi sepenuhnya. Untuk makluman, hasil bancian DBKL mendapat hanya 29,731 daripada 46,454 unit PPR dan PA mematuhi syarat perjanjian ditetapkan.

WAN MOHAMAD GHAZALI NOR
Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti DBKL

JOM KONVOI MPSJ

■ SEBAGAI salah seorang penduduk Subang Jaya saya terlalu dahagakan aktiviti riadah. Tidak adakah sebarang aktiviti yang dianjurkan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dalam masa terdekat ini?

MAT MOTOR
Subang Jaya

JAWAPAN: Program Jom Konvoi MPSJ 2016 yang diadakan pada 27 hingga 29 Mei ini antara aktiviti riadah terkini yang dianjurkan kepada penduduk setempat. Acara konvoi bermotorsikal dari Subang Jaya ke Sabak Bernam itu melibatkan kira-kira 80 peserta. Diharapkan Mat Motor dapat turut serta dalam acara itu. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03 80264037 atau 03 80267498.

MUHAMMAD AZLI MISWAN
Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MPSJ

FESTIVAL MEGA MAKANAN SELANGOR

PENDUDUK Shah Alam dipelawa memeriahkan Festival Mega Makanan Selangor yang akan berlangsung di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, pada 30 April dan 1 Mei ini.

Acara akan bermula pada puluk 10 pagi sehingga 10 malam.

SISTEM OSC MPS

BERKUAT KUASA pada 2 Mei ini, semua permohonan berkaitan nama taman, nama bangunan, jalan dan alamat serta pelan bangunan sementara di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Selangor (MPS) boleh dikemukakan secara atas talian di pusat sehenti (OSC).

Pemohon perlu menyediakan salinan lengkap dengan dokumen bagi memudahkan proses permohonan.

PEMBAHARUAN LESEN

PEMEGANG lesen perniagaan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang masih belum menerima apa-apa notis berkaitan pembaharuan lesen boleh mendaptakannya di kaunter semakan ibu pejabat MBPJ.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Jabatan Pelepasan talian 03 79604667 atau 03 79558177.

PERMOHONAN BAZAR RAMADAN
MAJLIS Daerah Sabak Bernam (MDSB) membuka permohonan tapak bazar Ramadan kepada individu berminat di kawasan pentadbirannya sehingga 6 Mei ini.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03 32241655 sambungan 144 atau 145. Untuk kursus pengendalian makanan, boleh mendaftar terus ke talian 019-2629960.

TALIAN KHAS ADUAN

PENDUDUK di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang mempunyai sebarang aduan atau masalah berhubung pihak berkuasa tempatan itu boleh berbuat demikian melalui talian 019-2668100.

HARI MESRA RAKYAT MPSJ

PENDUDUK di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dipelawa memeriahkan Hari Mesra Rakyat MPSJ pada 6 dan 20 Mei ini.

Program yang diadakan di Laman Ke-nangan, Aras 1, MPSJ, Persiaran Perpaduan USP, Subang Jaya itu akan bermula pada puluk 9 pagi sehingga 12 tengah hari.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03 80247700 atau 03 80264479.



27 Apr 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 32 • Printed Size: 416.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,221.95
PR value: MYR 24,665.85 • Item ID: MY0025877688

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Sheikh Jamal beri harapan kepada Selangor

KUALA LUMPUR 26 April - Selangor terus mengecewakan penyokongnya apabila mempamer aksi hambar ketika diikat tanpa jaringan oleh wakil Filipina, Ceres FC dalam perlawanan Kumpulan E di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, malam ini.

Bagaimanapun, harapan anak-anak buah Zainal Abidin Hassan untuk melayakkan diri ke peringkat kalah mati masih menyala, berterima kasih kepada kejayaan kelab Bangladesh, Sheikh Jamal Dharmundi melakar kejutan ke atas wakil Singapura, Tampines Rovers 3-2 dalam satu lagi perlawanan di Dhaka.

Kekalahan Tampines membolehkan Selangor merampas kedudukan tangga kedua dengan mengumpul lapan mata daripada lima perlawan, satu mata di belakang Ceres FC.

Skuad Red Giants kini hanya perlu seri dengan Tampines dalam aksi terakhir Kumpulan E di Stadium Nasional, Singapura pada 10 Mei ini

untuk mengesahkan kedudukan sebagai laku dua pasukan teratas.

Sementara itu, perlawanan malam ini berlangsung dengan amat membosankan apabila kedua-dua pasukan menerapkan corak permainan terlalu berhati-hati,

malah tiada sebarang percubaan dilakukan oleh mereka pada 10 minit pertama.

Selangor jarang melakukan serangan, cuma sesekali melepaskan rembatan liar menerusi Andik Vermansyah pada minit ke-11, disusuli sepakan Muhammad Nazmi Faiz Mansor, sembilan minit kemudian.

Jentera serangan Red Giants juga kelihatan tempang tanpa penyerang dari Liberia, Patrick Ronaldinho yang terpaksa dikeluarkan pada minit ke-20 setelah mengalami hentakan di pinggul dan digantikan dengan Adam Nor Azlin.

Kemasukan Adam sedikit pun tidak membawa impak, malah bariisan depan Selangor dilihat terlalu bergantung kepada penyerang dari

Argentina, Mauro Olivi untuk mencari jaringan.

Pada minit ke-28, benteng pertahanan Selangor diuji oleh Ceres, namun sepakan bebas pemain tengah, Manuel Ott berjaya ditepis penjaga gol, Norazlan Razali.

Tiga minit kemudian, Selangor melakukan asakan menerusi gerakan solo Olivi dari luar kotak penalti, namun rembatannya dinafikan penjaga gol Ceres, Louie Michael Casas.

Bersambung separuh masa kedua, pasukan pelawat mempamer aksi agresif dan memperoleh peluang terbaik pada minit ke-48, tetapi tindangan Adrian Gallardo hasil hantaran lintang Stephan Markus Schrock gagal menuju ke gawang.

Pertahanan Selangor, Mohd. Azrif Nasrulhaq menceriakan penyokong Selangor buat seketika apabila meledak gol pada minit ke-73, namun jaringan tersebut dibatalkan oleh penjaga gaisan selepas dia didapati berada dalam kedudukan ofsaid.

Headline	DAP kesal, kecewa PKR langgar perjanjian		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Apr 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	170 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,215
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,645



DAP kesal, kecewa PKR langgar perjanjian

KUALA LUMPUR 26 April - DAP mengejarkan rasa kesal dan kecewa dengan sikap PKR yang didakwa tidak jujur apabila telah melanggar perjanjian yang dicapai oleh pimpinan tertinggi kedua-dua parti itu berkait dengan rundingan kerusi bertindih pada Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-11 (PRN-11).

Lebih menggejaskan parti itu apabila Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP, **Anthony Loke** mendakwa PKR telah gagal menuaikkan janji mereka untuk mematuhi serta menerima keputusan kaji selidik yang dijalankan oleh Merdeka Center berhubung populariti kedua-dua parti di enam kawasan bertindih antara kedua-duanya.

Sedangkan, kata Anthony, PKR melalui Naib Presidennya, Tian Chua yang telah mencadangkan kaji selidik membabitkan kos mencecah RM100,000 itu bagi membantu menentukan kerusi sewajarnya diwakili kedua-dua parti berkenaan.

"Dalam satu mesyuarat antara beberapa pemimpin DAP dan PKR, kami telah tegaskan bahawa sekiranya mahu buat kaji selidik, keputusannya

perlu dihormati. Jangan lepas buat kaji selidik, keputusan tidak menyebelahi, kita tidak mahu terima pula, tetapi itulah berlaku.

"Hasil kajian Merdeka Center menunjukkan DAP mempunyai kelebihan dalam lima daripada enam kerusi bertindih dengan PKR hanya meraih populariti di satu kerusi sahaja. Kita juga telah menjalankan beberapa rundingan selepas itu dengan PKR untuk memenuhi permintaan mereka bertukar kerusi.

"Selepas persetujuan pertukaran beberapa kerusi bertindih berkenaan, Lim Guan Eng (Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan) dan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (Timbalan Presiden PKR) telah menandatangani satu nota perjanjian yang bertulis tangan bagi mengesahkan persetujuan tersebut," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat DAP di sini hari ini.

Pada proses penamaan calon PRN-11 semalam, DAP dan PKR mengejutkan penyokong pakatan pembangkang apabila bertembung sesama sendiri di enam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Batu Kitang, Mulu, Murum,

Simanggang, Ngemah dan Manbong meskipun sebelum ini kedua-dua parti itu dilaporkan telah mencapai konsensus untuk satu lawan satu.

Dalam pada itu, Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP, **Tony Pua** turut mengejarkan rasa kecewa dengan tindakan PKR itu apabila menegaskan bahawa wang yang digunakan untuk melakukan kaji selidik itu telah dibazirkan.

Katanya, sejak awal cadangan itu dibangkitkan oleh PKR, beliau telah menegaskan bahawa semua pihak perlu menerima apa juga hasilnya memandangkan kos melakukannya tidak murah dan lebih baik digunakan untuk kempen di Sarawak.

"Sebelum buat kaji selidik mereka (PKR) kata akan terima, tetapi selepas keputusan keluar, dut pun keluar untuk kajian itu, semua dibuang. Kita kena hormati keputusan kaji selidik itu."

"Kami kesal kerana selepas kajian itu dibuat dan beberapa perbincangan dilakukan, PKR masih meletakkan calon di lima kerusi, sedangkan pada awalnya hanya tiga sahaja kerusi yang bertindih," jelas beliau.



27 Apr 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 32 • Printed Size: 416.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,221.95
PR value: MYR 24,665.85 • Item ID: MY0025877688

PEJABAT SETIAHUSA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



PEMAIN Selangor, Andik Vermansyah (tengah) diasak dua pemain Ceres dalam perlawanan Kumpulan E, Piala AFC di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, malam tadi. - UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN



Jangan sampai tapir tinggal nama sahaja

JIIKA dilihat dalam peta satelit Google, Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) yang terletak dalam hutan simpan Bukit Cerakah umpama sebuah pulau di tengah-tengah hutan konkrit. Pembangunan pesat di Bukit Jelutong, Seksyen 8, Setia Alam, Meru, Puncak Alam dan Bukit Bandaraya di sekelilingnya menjadikan TBNSA yang seluas 817 hektar hanya tompokan kecil berwarna hijau dalam peta berkenaan.

Maka tidak hairanlah akibat diasak dengan bermacam-macam projek pembangunan, pelbagai kehidupan flora dan fauna serta spesies haiwan di dalamnya turut terancam. Antaranya, Tapir Malaya, iaitu spesies tapir terbesar di dunia yang dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010. Memang mengejutkan apabila diberitahu kini hanya tinggal dua ekor Tapir Malaya mendiami Bukit Cerakah yang menjadi habitat haiwan itu.

Jumlahnya kian berkurangan kerana haiwan pemalu itu terdesak untuk mencari makanan hingga terpaksa menyebelang jalan besar yang sibuk untuk ke kawasan lain terutama Puncak Alam menyebabkan ada yang mati dilanggar kenderaan. Berdasarkan statistik antara 2005 dan 2013, sebanyak empat ekor tapir mati dilanggar di lokasi sama di Persiaran Mokhtar Dahari (dahulu Jalan Batu Arang-Puncak Alam).

Selain itu, stres yang dialami oleh haiwan berkenaan kerana habitatnya diganggu turut merencangkan proses pembiakkannya. Tapir Malaya yang mempunyai nama lain seperti Badak Lampung, Tenuk serta Cipan adalah paling besar antara empat spesies tapir yang ada di dunia. Selain Malaysia, ia juga hidup di Keimboja, Thailand dan utara Sumatera.

Tapir Malaya mudah dikenali berdasarkan corak warna hitam putih yang amat berguna sebagai penyamaran daripada musuh. Menyedari ancaman kepupusan Tapir Malaya semakin serius, TBNSA buat pertama kalinya mengajurkan kempen #SayangMyTapir sehingga 24 April ini bertujuan mendidik orang ramai terutama generasi muda untuk lebih mengenali haiwan berkenaan. Pengajuran kempen tersebut juga sempena Hari Tapir Sedunia yang disambut pada 27 April setiap tahun.

Bagi Pengarah TBNSA, Mohamad Gaddafi Denis, isu Tapir Malaya yang kian diancam kepupusan seharusnya membuka mata semua pihak tentang kepentingan segala khazanah

alam dalam taman botani itu dipelihara.

Menurutnya, penduduk bandar raya Shah Alam sepatutnya bersyukur kerana masih terdapat kehijauan semula jadi yang luas bersebelahan kediaman mereka.

"Penduduk Shah Alam beruntung kerana masih ada hutan. Untuk ke sini dari Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan taman tema i-City cuma lima minit memandu. Kalau tiada TBNSA, hutan mana lagi yang nak bekalkan oksigen? Paling dekat Hutan Simpan Ayer Hitam berhampiran Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang atau Hutan Simpan Kuala Kubu Bharu. Di Shah Alam juga banyak kilang yang melepaskan asap sekaли gus mencemarkan udara. Hutan mana lagi yang nak serap gas-gas berasacan itu kalau bukan taman botani ini?" soalnya.

Selain itu, TBNSA juga adalah kawasan tадahan air yang mana terdapat Empangan Sungai Baru, Empangan Air Kuning dan kolam-kolam perikanan sekali gus membantu menghalang Shah Alam daripada berdepan banjir besar. Di situ turut terdapat beberapa kelompok hutan dara yang semangnya sukar lagi dijumpai di Selangor.

Hutan yang belum lagi diterokai itu dalam tempoh kira-kira 50 tahun akan datang bakal menjadi hutan matang dan sewajarnya ia dikekalkan dalam bentuk sedemikian.

Mohamad Gaddafi menambah, meskipun terdapat taman-taman botani lain di negara ini, TBNSA adalah satu-satunya yang ada hutan semula jadi.

"Sebagai contoh, Tasik Perdana di ibu negara sebenarnya ditaraf dan pokok-pokoknya ditanam. Tapak hutan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong adalah bekas lombong. Begitu juga Taman Botani Putrajaya adalah hutan buatan manusia. Berbeza dengan TBNSA, 85 peratus kawasan keseluruhannya diliputi hutan semula jadi," ujarnya.

Sememangnya, warga Shah Alam amat beruntung kerana tidak perlu pergi hingga ke Taman Negara untuk menikmati keindahan serta keunikan hutan hujan tropika. Semua itu boleh didapatkan di sebelah rumah mereka sahaja. Sewajarnya TBNSA dihargai supaya dapat terus berfungsi sebagai parapu hijau untuk Lembah Klang. Janganlah sampai cucu-cicit kita nanti sudah tidak kenal lagi rupa tapir.



27 Apr 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: Suzaini Sulaiman • Section: Setempat • Page: 49 • Printed Size: 271.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 10,675.76
PR value: MYR 32,027.28 • Item ID: MY0025877483

PEJABAT SETIAHUSA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sekakohongor@gmail.com



sisentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Tanjung Karang 'berseri'

■ *Lebuhraya Pantai Barat lalu pekan, tak 'belah kampung'*

Suzaini Sulaiman

hmetroshahalam@hmetro.com.my

Khabar gembira buat penduduk Tanjung Karang apabila Lebuhraya Pantai Barat dari Banting ke Taiping, Perak yang dibina tidak lama lagi dijangka melalui pekan itu sebagaimana dikehendaki mereka tanpa memisahkan beberapa kampung berhampiran.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor Datuk Seri Noh Omar berkata, mesyuarat Jawa tankuasa Ekonomi yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, kelmarin memutuskan lalu-

an lebuh raya itu akan melewati pekan Tanjung Karang dan beberapa laluan dinaik taraf.

Selain itu katanya, jika lebuhraya itu tidak melalui kawasan berkenaan, kerajaan akan memastikan pekan itu tidak menjadi 'pekan mati'.

"Beberapa kampung seperti Kampung Haji Razali, Kampung Sungai Tengi Kannan dan Kampung Sungai Gulang Gulang akan dikalkan tanpa memisahkan kawasan penduduk kampong sebagaimana disaran Perdana Menteri tidak menjalankan pembangunan

membebankan rakyat. "Kita terharu dengan keputusan Perdana Menteri yang prihatin dengan keluhan penduduk, seterusnya menekankan pembangunan yang menggembirakan penduduk bukan sebaliknya," katanya ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Agung Majlis Permuafakatan PIBG 1 Selangor Parlimen Tanjung Karang di sini, semalam.

Sebelum ini, Noh mempertahankan kedudukan beberapa kampung yang akan dipisahkan laluan lebuh raya itu selain mendapat tentangan penduduk yang tidak

mau kampung mereka dirosakkan dengan pembangunan lebuh raya itu.

Noh turut mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Kementerian Kerja Raya yang membawa perkara itu ke peringkat tertinggi, seterusnya jajaran yang dibuat mengikut kehendak penduduk tempatan walaupun membabitkan kos agak tinggi.

Lebuhraya Pantai Barat dari Taiping ke Banting sepanjang 276 kilometer membabitkan kos pembinaan RM5 bilion.



NOH (kanan) bersalaman dengan tetamu yang hadir pada Mesyuarat Agung Majlis Permuafakatan PIBG 1 Selangor Parlimen Tanjung Karang.

RM5b >>Jumlah kos pembinaan Lebuhraya Pantai Barat



'Bosan belajar'

■ Ops Menyusur Kasih jejak kaki ponteng sekolah

Naimah Mohamed
hmetroshahalam@
hmetro.com.my

M alas, tidak minat dan bosan. Itu antara alasan diberikan 19 pelajar sekolah di sekitar Klang yang ditahan dalam Ops Menyusur Kasih kerana didapati ponteng sekolah, semalam.

Dalam operasi bersepadu diadakan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Klang dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Perbandaran Klang (MPK) serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG, remaja berusia 13 hingga 17 tahun terbabit ditahan di beberapa lokasi antaranya kafe siber, restoran dan stesen bas.

Seorang daripada remaja itu yang hanya dikenali sebagai Dani, 15, berkata, dia menukar baju sekolah dipakainya sebaik saja keluar dari rumah bagi mengelak perbuatannya dikesan ibu bapanya.

"Saya keluar rumah dengan memakai baju sekolah kerana tidak mahu 'kantoi', kemudian saya singgah di mana-mana untuk menukar baju sebelum datang ke pusat siber ini.

"Saya ponteng sekali saja dalam seminggu untuk bermain permainan dalam talian kerana bosan bersekolah setiap hari, apatah lagi ayah memberi duit belanja RM20 untuk seming-

gu, jadi saya membelanjakannya di sini," katanya di temui di sini, semalam.

Bagi Ira, 14, dia dan dua lagi rakan memberi alasan dihalau guru sekolah, sebaliknya apa yang berlaku mereka mengelak bertemu dengan guru selepas diminta membawa ibu bapa masing-masing ke sekolah disebabkan mela-

kukan kesalan han disiplin.
"Saya langsung tidak minat untuk belajar di sekolah seperti sekarang, saya mahu belajar di sekolah vokasional dan mempelajari ilmu kemahiran.

"Memang saya selalu buat hal dengan kawan-kawan dan ibu bapa kami tahu perangai kami, cuma mereka sudah tidak tahu hendak buat apa dengan kami," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong PPD Klang (Unit Pembangunan Kemanusia-


an) Mohd Abd Manaf Ali berkata, operasi berkenaan diadakan bagi membendung masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar dan ia sudah bermula sejak 2010 lagi.

"Sejak operasi ini diadakan, kadar pelajar ponteng berjaya diturunkan sebanyak 95 peratus. Itu menunjukkan ia berjaya menjadi satu medium untuk membangun gejala berkenaan.

"Kita juga tidak menggunakan pendekatan keras terhadap pelajar seperti ini kerana tidak mahu mereka menjauhkan diri dari sekolah, jadi kita beri kounseling kepada mereka," katanya.

Beliau berkata, dalam operasi berkenaan, pelajar yang ditahan diminta menjalani ujian air kencing dan semua 19 pelajar itu disahkan negatif dadah.

FAKTA
Pelajar belanja duit poket seminggu di kafe siber



DUA pelajar leka bermain permainan dalam talian.



27 Apr 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: Naimah Mohamed • Section: Setempat • Page: 50 • Printed Size: 317.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 12,440.00
PR value: MYR 37,320.00 • Item ID: MY0025877484

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2





27 Apr 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 44 • Printed Size: 105.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,136.36
PR value: MYR 12,409.08 • Item ID: MY0025877342

PEJABAT SETIAHUSA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahsongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Permohonan ditolak

Shah Alam: Mahkamah Tinggi Shah Alam di sini, semalam, menolak permohonan Exco Kerajaan Selangor Nik Nazmi Nik Ahmad untuk membatalkan tuduhan terhadapnya kerana menganjurkan perhimpunan Black 505 tanpa kebenaran di Stadium Kelana Jaya, tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Ghazali Cha ketika membaca keputusannya berkata, tuduhan yang dihadapi Nik Nazmi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Setia itu tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan seperti yang terkandung dalam Seksyen 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012.

Pada Januari lalu, Nik Nazmi, 34, didakwa bagi kali ketiga atas kesalahan terbabit namun beliau mengaku tidak bersalah.

Beliau didakwa gagal maklumkan kepada Ketua Polis Daerah Petaling Jaya dalam tempoh 10 hari sebelum penganjuran program Black 505 di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan didakwa melakukan perbuatan itu di



NIK NAZMI

Stadium MBPJ, Kelana Jaya di Petaling Jaya pada jam 8.30 malam, pada 8 Mei 2013.

Nik Nazmi didakwa mengikut Seksyen 9 (1) Akta Perhimpunan Aman 2012, yang boleh dihukum mengikut Seksyen 9(5) akta sama dan sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.

Sebelum ini, beliau didakwa pertama kali pada 17 Mei 2013 dan permohonan untuk mengetepikan pertuduhan berkenaan ditolak Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 1 November 2013.



27 Apr 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 36 • Printed Size: 464.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 18,209.00
PR value: MYR 54,627.00 • Item ID: MY0025877329

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakotohuong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

12,006 ular ditangkap dek El Nino

Kuala Lumpur: Ancaman reptilia ular semakin serius. Ini diakui Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang tidak menang tangan menangkap 12,006 ekor ular pelbagai spesies mengancam orang ramai sejak fenomena El Nino melanda negara.

Jumlah tangkapan luar biasa membabitkan tangkapan ular di seluruh negara bermula dari bulan Januari sehingga Mac tahun ini.

Berdasarkan statistik JPAM, Selangor mencatatkan kes laporan tangkapan tertinggi 1,528 kes diikuti Perak (1,350 kes) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,301 kes).

Manakala negeri Pantai Timur, Kelantan mencatatkan (1,266 kes) dan Terengganu (1,257 kes) diikuti Kedah (1,080) dan Johor (1,008) kes dilaporkan sehingga Mac tahun ini.

Pengarah Bahagian Pengurusan

Bencana dan Operasi JPAM, Muhd Yusoff Samad berkata, peningkatan panggilan kecemasan membabitkan kemunculan ular di kediaman jelas meningkat berbanding tempoh samâ tahun lalu.

"Keadaan panas akibat fenomena El Nino antara faktor ular menceroboh masuk di kediaman penduduk berikutnya mahu mencari kawasan sejuk. Malah, kebakaran habitat asal turut menjadi punca.

"Kebanyakan ular ditangkap seperti ular sawa, tedung selar, tedung senduk dan susuk kerbau," katanya.

Menurutnya, kebanyakannya kes gigitan ular terjadi apabila ular terkejut, terpijak atau tempat kediannya diganggu sama ada secara sengaja ataupun tidak.

"Kebiasaannya, haiwan ini tidak menyerang manusia kecuali berasa

terancam dan sesetengah jenis ular mampu menyemburkan bisa seperti ular tedung.

"Apa yang penting memastikan jarak selamat ketika memantau pergerakan ular dan membuat panggilan kecemasan," katanya.

Muhd Yusoff berkata, orang awam dinasihati sentiasa berwas-pada berikutnya kes gigitan ular semakin kerap dilaporkan berlaku.

"Jika terdapat mangsa dipatuk ular, cuba tenangkan mangsa dan nasihatkan mangsa jangan bernafas dengan laju.

"Jangan menyedut bisa ular kerana kemungkinan besar bisa masuk ke dalam tisu mulut," katanya.

Katanya, laporkan kepada JPAM ataupun Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sekiranya mendapati ular memasuki kediaman.





27 Apr 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 36 • Printed Size: 464.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 18,209.00
PR value: MYR 54,627.00 • Item ID: MY0025877329

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Headline	Relief for Selangor		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	27 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Sport	Circulation	74,711
Page No	49	Readership	240,000
Language	English	ArticleSize	385 cm ²
Journalist	Ajitpal Singh	AdValue	RM 13,220
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,660



FOOTBALL

Relief for Selangor

AFC CUP: Zainal's men grab lifeline after draw against Ceres

REPORTS BY AJITPAL SINGH

ajitpalsingh@nst.com.my

ADRAW in their final AFC Cup match against Singapore's Tampines Rovers will be enough for Selangor to make the last 16 after they were held 0-0 by Ceres La Salle of the Philippines in a Group E match at Selayang Stadium yesterday.

Ceres, who have assured themselves qualification, lead the group with nine points while Selangor moved to second on eight, leapfrogging Tampines, who lost 3-2 to Bangladesh's Sheikh Jamal Dharmundi in Dhaka.

Tampines, who have seven points, will host Selangor at National Stadium in Singapore on May 10, where the former Super League champions must avoid defeat to make the next stage.

"It is a historic day for Ceres as we have qualified for the last 16 of the AFC Cup. I am very proud of my players but we want to finish our group campaign as champions. We will focus on winning our final game against Sheikh Jamal on May 18," said Ceres coach Frank Muescan.

Selangor coach Zainal Abidin Hassan was hoping for goals but he received a setback when striker Patrick Wleh suffered an injury in the 20th minute.

The Liberian was replaced by Adam Nor Azlin and from then on, Selangor's attacking options were limited.

Mauro Olivi, who was booked in the 24th minute, almost put Selangor ahead with a solo effort in the 31st minute.

The Argentine picked up a loose ball and ran past three Ceres defenders into the penalty box but his low shot from an acute angle was blocked by goalkeeper Louie Michael Casas.

In the second half, Ceres created more chances with Jason Abbot missing a sitter when his header, off a defensive mix-up, sailed just over

Selangor goalkeeper Norazlan Razali in the 60th minute.

The homesters rallied in the closing minutes with the best chance coming from Olivi's free kick which beat the Ceres wall but flew off the far post.

Defender Azrif Nasrulhaq put the ball into the net in the 73rd but the goal was disallowed for off side. Ceres had six attempts at goal compared to Selangor's five.



Selangor's Andik Vermansyah (centre) is challenged by Ceres La Salle's Manuel Ott (left) and Martinez De Murga at Selayang Stadium yesterday. Pic by Owee Ah Chun



27 Apr 2016
New Straits Times, Malaysia

Author: No author available • Section: Local News • Page: 8 • Printed Size: 387.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 13,289.00
PR value: MYR 39,867.00 • Item ID: MY0025877176

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 1, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

CURBING DENGUE MENACE

THE social-impact dengue control programme Komuniti Bebas Denggi (KBD) has been implemented by the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) since June last year.

It was conducted in three states involving 30 communities, covering 20,000 households and 100,000 individuals. The programme is based on empowering communities with effective tools, as well as knowledge and information, to help them protect their families and neighbours from dengue.

During the first six months, the number of dengue cases had been reduced within the participating communities. This is testament to its efficacy, including the tools developed by Mosti's technology partner, EntoGenex Industries Sdn Bhd.

One of the tools used by homeowners is the Bio-D Anti-Aedes Home Kit, which prevents mosquitoes from breeding in their premises. The kit is available at retail stores nationwide.

EntoGenex technology officer Mohd Alhafis Rusdi said the kit came with the Denguard Plus mosquito repellent, the Mousticide RH biolarvicide and the Aedes Larvae Ovitrap (ALOT).

Alhafis said the repellent, which provides protection up to five hours, was safe for children as its active ingredient is derived from the wild tomato plant.

"It is recommended for use at dusk and dawn, and should be applied at all times when one may be exposed to mosquito bites, especially when per-

forming outdoor activities, such as gardening, exercising, hiking and golfing."

The Mousticide RH biolarvicide is made of rice husks that are coated with Trypsin Modulating Oostatic factor (TMOF), a hormone derived from female *Aedes aegypti* mosquitoes, and *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti), a biological control agent for larvae.

He said the biolarvicide would inhibit the digestive system of mosquito larvae and cause them to die.

"This is an effective product that is environment-friendly. The biolarvicide, which does not contain chemicals, will affect mosquito larvae that have the TMOF receptors. Therefore, it is not toxic to humans or pets."

